

# Manfaatkan ChatGPT sebagai pemangkin revolusi pendidikan

**Danial Farook,**  
Fakulti  
Pendidikan  
UiTM

Beberapa bulan yang lalu, dunia dikejutkan dengan pelancaran sebuah ruang sembang kecerdasan buatan *artificial intelligence* atau AI yang dinamakan ChatGPT.

ChatGPT ini mendapat sambutan yang berbeza-beza. Ada pihak yang gentar dengan kemunculannya, tetapi ada yang meraikan penciptaan ChatGPT. Hal ini dikaitkan dengan kemampuannya memberi maklum balas secara terperinci dan merentasi pelbagai bidang ilmu. Kebolehannya berbeza dengan enjin carian seperti Google kerana ChatGPT dapat merangkumkan serta menjana ayat, mahupun esei seperti manusia, tetapi dalam tempoh yang lebih singkat.

Sebenarnya, bagi seseorang yang mengikut perkembangan AI, ciptaan ini bukanlah sesuatu yang tidak dijangka apatah lagi apabila pengadaptasian industri terhadap AI meningkatkan lebih dua kali ganda sejak 2017.

Menurut *BusinessWire Research*, syarikat gergasi juga melabur secara berterusan terhadap pembangunan kecerdasan buatan. Dunia pendidikan juga tidak ketinggalan apabila pelbagai inovasi yang dijalankan berkaitan AI.

AI mampu untuk membuka sebuah dimensi baharu bagi kurikulum, penilaian dan pengajaran di sekolah. Perkara ini berbeza dengan pembelajaran dalam talian yang diguna pakai sebelum ini kerana kemampuannya untuk memudahkan pencarian maklumat secara terus melangkaui kecekapan enjin carian. Malah, faktor lain yang menyebabkan ChatGPT disenangi kerana kemampuannya memberikan pendapat berkaitan sebuah isu berdasarkan maklumat yang disimpan dalam pangkalan data.

Meskipun sedemikian, terdapat perbezaan pendapat terhadap kewajaran penggunaan ChatGPT dalam kelas. Misalnya sebahagian sekolah di New York dan Seattle di Amerika mengambil langkah mengharamkan penggunaan ChatGPT di sebarang peranti atau rangkaian sekolah.

Keputusan ini didorong oleh kebimbangan kesan ChatGPT terhadap pembelajaran pelajar, serta ketepatan dan keselamatan maklumat diberikan.

Tidak terhenti di situ, terdapat juga universiti di Asia yang turut mengambil langkah sama seperti University of Hong Kong dan RV University di India.

Berbeza pula dengan pendekatan universiti tempatan di Malaysia contohnya Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memberi saranan kepada pelajar dan pensyarah untuk memanfaatkan aplikasi ChatGPT dalam pembelajaran dan pengajaran.

Hatta, Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah antara institusi yang terawal mengeluarkan panduan penggunaan ChatGPT dalam persekitaran pembelajaran.

## Jimatkan masa persiapan bahan mengajar

Antara contoh penggunaan ChatGPT yang boleh dimanfaatkan adalah seperti guru dapat menyediakan soalan dan rancangan mengajar yang efektif berdasarkan tahap penguasaan murid, justeru ia menjimatkan masa persiapan bahan mengajar.

Guru juga dapat menjana soalan aras tinggi berdasarkan sukatan pembelajaran bagi penilaian prestasi pembelajaran pelajar. Selain itu, guru boleh menjadikan ChatGPT sebagai alat bantu mengajar seperti meminta pelajar untuk mencari idea dan membuat kerangka karangan menggunakan

ChatGPT sebelum menghasilkannya sendiri.

Natijahnya, pelbagai kelebihan dapat diperoleh oleh pengguna apabila proses integrasi pendidikan dan kecerdasan buatan ini dijalankan. Namun, penggunaannya harus dikelola dengan sebaiknya.

Sebagai guru, pengajaran menggunakan pedagogi AI dalam kelas wajar diperkasakan melalui penyediaan panduan penggunaan kepada pelajar serta penerapan elemen ChatGPT ketika penilaian, kaedah pengajaran dan sukatan pembelajaran. Hal ini bagi memastikan mereka dapat menggunakan secara penuh hemah dan efektif dalam menyiapkan tugas serta juga mengulang kaji.

Penekanan soal ini penting supaya mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan teknologi terkini dan bergerak seiring dengan pelajar luar negara, tetapi tidak meninggalkan adab kepada ilmu.

Di samping itu, penggunaan ChatGPT dapat menedahkan pelajar perihal kaedah membuat soalan yang tepat dan jitu, malah mereka juga akan membangunkan kemahiran bertanya soalan susulan. Perkara ini secara tidak langsung akan dapat menetuskan rasa ingin tahu pelajar terhadap topik yang dicari serta melahirkan individu dengan iltizam belajar sepanjang hayat seperti yang diinginkan oleh sistem pendidikan negara.

